



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

DRAF TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN

TARIKH:

16 MAC 2024 (SABTU)

TEMPAT:

**MASJID BATANG MERBAU
TANAH MERAH, KELANTAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI SEWAJARNYA)

MUKADDIMAH

1. Alhamdulillah. bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmatnya, maka, dapat kita bersama di dalam Majlis Santunan Kasih Ramadan pada petang ini.
2. Majlis ini amat bermakna kerana inilah manifestasi kegigihan kita semua di dalam menyantuni dan menunjukkan kepedulian kepada golongan yang kurang bernasib baik selaras dengan terapan nilai ihsan bagi menjayakan agenda Malaysia Madani.
3. Sebelum berbicara lanjut, terlebih dahulu saya mewakili Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mengucapkan selamat menunaikan ibadah berpuasa kepada semua yang hadir pada majlis ini. Semoga perhimpunan ini akan dirahmati Allah SWT dan diberikan

ganjaran pahala yang melimpah ruah kepada kita semua, InsyaAllah.

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN 1445H

Hadirin sekalian,

4. Majlis Santunan Kasih Ramadan ini telah memasuki tahun kedua penganjurannya. Bulan Ramadan kali ini, lokasi di Tanah Merah, Kelantan ini telah menjadi destinasi kedua selepas penganjuran oleh KEJORA di Negeri Johor pada Khamis lalu.
5. Majlis Santunan Kasih Ramadan ini adalah ruang untuk saya bersama-sama warga Kementerian dan agensi di setiap negeri dan rakyat di Negeri ini, bagi merapatkan silaturahim dan bertukar-tukar pandangan di samping kita menikmati hidangan juadah berbuka puasa bersama.
6. Sebagai Menteri KKDW, saya mahu Kementerian saya turut bersama-sama masyarakat khususnya di perdesaan untuk memaknai nilai-nilai yang tersemat di dalam bulan mulia ini melalui penganjuran program yang bermanfaat dan mengundang keberkatan daripada Allah SWT.

7. Saya juga berharap, dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti sepanjang Ramadan ini dapat melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi, intelek dan sosial. Di samping itu, secara tidak langsung ia turut memupuk semangat perpaduan, kerjasama, semangat kerja berpasukan dan mengeratkan ukhuwah sebagai sebuah masyarakat Malaysia MADANI.

PERUNTUKAN KEPADA RAKYAT MELALUI KESEDAR

Hadirin sekalian,

8. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM395.8 bilion pada tahun 2024 untuk perbelanjaan negara. daripada jumlah tersebut, KKDW telah diperuntukkan sebanyak RM11.55 bilion pada tahun ini dan daripada peruntukan tersebut RM7.44 bilion pula untuk peruntukan pembangunan. Berdasarkan kedudukan peruntukan pembangunan yang diterima di antara Kementerian, KKDW berada di tangga ketiga selepas Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kerja Jaya (KKR).
9. Sudah tentu, Kerajaan tidak pernah melupakan rakyat di Kelantan. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, iaitu bermula tahun 2021 sehingga tahun 2024, Kerajaan telah

memperuntukan sebanyak RM153.2 juta untuk tujuan pembangunan di wilayah Kelantan Selatan melalui KESEDAR. Bagi tahun 2024 sahaja, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM36.47 juta merangkumi pelaksanaan 27 program dan projek pembangunan.

10. Manakala khusus kepada rakyat di Tanah Merah, KKDW melalui KESEDAR pada tahun 2024 telah memperuntukan sebanyak RM7.2 juta untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan melibatkan kemudahan awam, infrastruktur perhubungan dan utiliti desa yang memberi manfaat langsung kepada lebih 10,000 orang penduduk.
11. Selain itu, antara projek utama lain kementerian yang akan dilaksanakan di Tanah Merah adalah projek menaiktaraf jalan ke Kampung Kusial yang akan menelan belanja sebanyak RM42.5 juta. Kita maklum mengenai jalan sedia ada ke Kampung Kusial yang sering mengalami masalah banjir yang menyukarkan penduduk berhubung dengan bandar tanah merah mendapatkan bekalan keperluan dan rawatan kesihatan. Sedemikian, dengan siapnya projek ini pada tahun 2026 dapat menyelesaikan isu jalan perhubungan yang terputus semasa banjir ke kampung tersebut.

12. Dalam usaha Kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat, penduduk Tanah Merah juga mendapat manfaat daripada pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Bagi tahun 2021 sehingga 2023, Kementerian melalui KESEDAR telah membina sebanyak 35 unit rumah PPRT dengan kos RM2.3 juta dan membaik pulih sebanyak 141 unit rumah dengan kos RM1.5 juta kepada penduduk Tanah Merah.
13. InsyaAllah, Kerajaan Persekutuan akan terus memacu lebih banyak program-program pembangunan yang boleh meningkatkan kesejahteraan rakyat di kawasan Tanah Merah dan kawasan Kelantan selatan umumnya.

BANTUAN DAN SUMBANGAN

Hadirin sekalian,

14. Kehadiran saya dan seluruh pasukan KKDW dan KESEDAR ke majlis ini bukan sekadar untuk kita berkumpul dan menikmati juadah berbuka puasa semata-mata, tetapi juga ianya sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) untuk menyantuni rakyat di Negeri ini.

15. KESEDAR telah menyediakan peruntukan sebanyak RM293,300.00 kepada 475 buah masjid dan madrasah di kawasan Kelantan Selatan bagi menghidupkan bulan mulia ini dengan pelbagai program untuk masyarakat seperti ceramah-ceramah agama, majlis berbuka puasa dan lain-lain serta peruntukan sebanyak RM60,000.00 untuk bantuan persekolahan kepada pelajar-pelajar di Wilayah Kelantan Selatan.
16. Saya sendiri turut menerima beberapa permohonan dan laporan bergambar dari beberapa masjid dan madrasah di negeri ini yang memohon untuk menaiktaraf dan penyelenggaraan seperti membaiki kerosakan bumbung, dinding roboh, menukar pintu dan sliding door, menukar karpet baharu dan sebagainya.
17. Antara permohonan yang saya terima adalah Masjid Iktikaf Bechah Serdang, Masjid Iktikaf At-Turbah, Masjid Mukim Bechah Laut dan Madrasah Kampung Sena. Di atas dasar keprihatinan dan memastikan ruang solat yang lebih selesa, saya akan meneliti dan mempertimbangkan setiap permohonan. InsyaAllah, jika tiada sebarang masalah untuk meluluskannya, saya akan mengarahkan agar bantuan ini dapat disalurkan dengan sesegera yang boleh.

18. Tambahan itu, kumpulan anak-anak syarikat KESEDAR turut berbesar hati menyediakan peruntukan sebanyak RM20 ribu bagi membantu anak kariah Masjid Batang Merbau yang memerlukan serta menghulurkan sumbangan kepada 100 orang asnaf termasuk anak yatim telah dikenalpasti berupa RM200 seorang bagi meraikan Ramadan Al-Mubarak.
19. Saya berharap, sumbangan yang akan diberikan ini sedikit sebanyak dapat membantu komuniti masyarakat dan para penerima dalam menikmati keceriaan menyambut Ramadan dan mengurangkan beban kewangan yang dihadapi penerima.

PELANTIKAN Pengerusi dan Setiausaha JPKKP

20. Selain menyantuni golongan asnaf sepertimana saya sebutkan sebentar tadi, bersama-sama kita juga pada hari ini adalah Pengerusi dan Setiausaha JPKKP yang telah dipersetujui untuk dilantik dan bakal menerima wafikah pelantikan Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Negeri Kelantan.
21. Harapan saya kepada semua wakil JPKKP yang akan dilantik nanti ini memainkan peranan yang efektif sebagai

pembuat perancangan dan pelaksanaan program-program di kampung disamping menggerakkan penglibatan komuniti setempat, selain itu juga hendaklah menjadi penghubung di peringkat akar umbi yang akan menyalurkan sebarang permasalahan atau aduan kepada pihak-pihak yang berkuasa dan berkaitan terhadap sesuatu isu yang timbul.

ELAKKAN PEMBAZIRAN DI BULAN RAMADAN

Hadirin sekalian,

22. Saya tahu di Negeri Kelantan ini, bulan Ramadan ni bagaikan pesta makanan, tambahan pula negeri Kelantan sangat terkenal dengan makanan yang sedap-sedap dan kuih-muih yang pelbagai. Puasa, puasa juga. Makan, makan juga, tetapi jangan sampai berlakunya pembaziran dan berbelanja melebihi keperluan dan mengikut nafsu semata-mata.

23. Tambahan pula, Kajian yang dilakukan oleh Pakar Ekonomi Universiti Sains dan Teknologi (MUST) menyatakan, kira-kira 22 juta umat Islam berbelanja hampir RM5.4 bilion di Bazar Ramadan. Berbelanja itu pastinya boleh tapi sentiasa ingat, jangan kita membazir

dan ianya bertentangan dengan hakikat Ramadan yang seharusnya menjadi bulan mendidik umat Islam bersederhana dan tidak membazir.

24. Apatah lagi terdapat larangan keras terhadap perbuatan boros dan membazir seperti firman Allah menerusi ayat 27 Surah al-Isra' bermaksud: *“Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.”*
25. Justeru, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan juga hadirin sekalian, untuk kita perbanyakkan ibadah-ibadah sunat dan amalan-amalan kebajikan serta memperkukuhkan lagi ukhuwah sesama insan di samping meninggalkan segala perbuatan yang sia-sia dan merugikan.
26. Marilah kita jadikan madrasah Ramadan ini sebagai tempoh latihan untuk kita mendisiplinkan diri membeli apa yang perlu, berkongsi rasa kesusahan golongan yang memerlukan serta pada masa yang sama semai sikap berjimat cermat.

PENUTUP

27. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada petang ini. Justeru, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir serta memeriahkan majlis pada petang ini termasuk rakan-rakan media yang sudi hadir membuat liputan.

28. Tahniah juga diucapkan kepada KESEDAR serta semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Santunan Kasih Ramadan 1445 Hijrah Peringkat KKDW di Negeri Kelantan.

29. Mengakhiri ucapan ini, saya mendoakan semoga yang hadir pada petang ini di Majlis Santunan Kasih Ramadan 1445 Hijrah dilimpahi rahmat oleh Allah SWT.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.